

Headline	LHDN yakin kutipan cukai tahun ini meningkat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Aug 2014	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	16	ArticleSize	188 cm ²
AdValue	RM 6,481	PR Value	RM 19,442



LHDN yakin kutipan cukai tahun ini meningkat

Melaka Tengah: Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yakin kutipan cukai pada tahun ini akan meningkat berdasarkan perkembangan ekonomi negara yang terus mampan.

Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Tan Sri Dr Mohd Shukor Mahfar, berkata ia juga berdasarkan kepada peningkatan antara lima hingga enam peratus kutipan cukai dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, berbanding tempoh sama tahun lalu.

Katanya, jika tidak berlaku kegawatan ekonomi dalam tempoh lima atau enam bulan lagi, pihaknya mampu mencatat peningkatan itu.

“Kita lihat dari segi ekonomi domestik dalam keadaan baik, cuma berharap tidak berlaku sebarang gangguan terhadapnya (ekonomi domestik) kerana ia penting dalam menentukan keupayaan mereka untuk membayar cukai.

“Perniagaan ini sensitif dengan suasana ekonomi, jadi kita berharap peperangan di luar negara tidak akan berlanjutan seperti di Russia yang boleh beri kesan kepada ekonomi dunia,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar Kewangan dan Pengauditan Sektor Awam di Hotel Avilion Legacy di sini, semalam.

Seminar tiga hari disertai 200 kakitangan awam itu bertujuan memberi ruang bagi membincang dan meningkatkan kefahaman mengenai cabaran berkaitan tadbir urus sektor awam.

Yang hadir sama, Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak.

GST bantu tingkat hasil kutipan cukai
Mohd Shukor berkata, pengumuman pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) sebanyak lima peratus oleh Bank Negara turut diyakini membantu meningkatkan kutipan hasil cukai LHDN.

Mohd Shukor berkata, transformasi kutipan cukai melalui pengenalan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) pada tahun depan secara tidak langsung membantu meningkatkan hasil kutipan cukai negara.

Katanya, pengenalan GST juga mendorong peniaga menyediakan rekod perniagaan yang teliti dan konsisten bagi membantu kerajaan menjangkakan kedudukan ekonomi negara yang sebenar.

“Kutipan cukai ini sangat penting bagi memastikan negara dibangunkan dengan pelbagai infrastruktur, selain memberi kelesaan kepada rakyat,” katanya.

Headline	LHDN yakin kutipan cukai tahun ini meningkat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Aug 2014	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	16	ArticleSize	188 cm ²
AdValue	RM 6,481	PR Value	RM 19,442



Mohd Shukor (tengah) memalu gong ketika merasmikan Seminar Kewangan dan Pengauditan Sektor Awam di Melaka, semalam. [FOTO KHAIRUNISAH LOKMAN/BH]